



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 07 (12 FEBRUARI – 18 FEBRUARI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-07 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,149 kes berbanding 1,967 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 182 kes (9.3%). Empat (4) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-07 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 15,243 kes berbanding 4,950 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 10,293 (207.9%), Manakala sebanyak 13 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding satu (1) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 79 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 86 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 53 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 20 lokaliti hotspot di Sabah, empat (4) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan dua (2) lokaliti hotspot di Pulau Pinang.

Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak lapan (8) kes pada minggu ke-07 dengan empat (4) kes dari Pulau Pinang, tiga (3) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini

adalah 94 kes. Bagi surveilans Zika, sebanyak 328 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Aktiviti berkumpul bersama, beriadah dan kegiatan rekreasi bersama rakan-rakan atau keluarga adalah aktiviti yang sering dilakukan selama tempoh cuti persekolahan. Namun kita tidak boleh alpa bahawa kegiatan kita mungkin serentak dengan waktu puncak gigitan nyamuk *Aedes*, iaitu jam 6 hingga 8 pagi dan jam 6 petang hingga 8 malam. Oleh itu, pakai pakaian yang berwarna cerah dan menutup anggota badan serta gunakan bahan repelan nyamuk sekiranya melakukan aktiviti luar terutamanya pada waktu puncak gigitan nyamuk *Aedes*. Setelah selesai melakukan aktiviti, pastikan sampah dilupuskan di tempat yang telah ditentukan, agar bebas dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*.

Dapatkan status situasi denggi bagi tempat yang akan dilawati melalui laman sesawang idengue di <https://idengue.mysa.gov.my/> atau melalui aplikasi idengue yang dapat dimuat turun melalui *Google Play Store*. Dapatkan rawatan awal jika mengalami gejala demam denggi, iaitu demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot/ sendi, sakit kepala dan sakit pada belakang mata. Dapatkan rawatan segera sekiranya terdapat tanda bahaya demam denggi seperti muntah, cirit-birit atau perdarahan. Awas, nyamuk *Aedes* ada di mana-mana. **Tiada *Aedes*, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
20 Februari 2023